



DR. FAUZI Ramlan (kiri) dan Samsul Hussin bergambar selepas menandatangani perjanjian persefahaman di Kuala Lumpur, semalam.

'e-claim' akan ke pasaran antarabangsa

KUALA LUMPUR 12 Mac - Syarikat Perunding Teknologi dan Kewangan, Censof Holdings Berhad (Censof) merancang membangunkan sistem perisian 'e-claim' ke pasaran Asia, Asia Barat dan Amerika Syarikat (AS) dalam masa terdekat sebagai langkah mengukuhkan lagi operasinya.

Pengarah Urusan Kumpulan Censof, Datuk Samsul Husin berkata, langkah itu juga sebahagian daripada usaha syarikat selepas penjenamaan semula Century Software Holdings Bhd. kepada Censof.

"Sebenarnya, Censof sudah pun mempunyai jenama yang kuat di Jakarta, Indonesia, Australia dan AS. Jadi kami melihat, dengan penjenamaan semula syarikat, ini adalah masa yang sesuai untuk membawa sistem 'e-claim' ke pasaran antarabangsa.

"Syarikat juga melihat perlunya usaha bagi memajukan bidang pengurusan kewangan, e-bayaran dan pengurusan aset berdasarkan permintaan yang tinggi di negara tersebut," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis menandatangani

memorandum persefahaman (MoU) antara Censof dengan Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Fauzi Ramlan, Pengarah Eksekutif Censof dan Amer Shaik Mydin.

Sistem 'e-claim' adalah aplikasi yang dibangunkan secara dalam talian bagi mana-mana syarikat atau institusi pengajian tinggi (IPT) yang berminat menggunakannya dengan tujuan memudahkan tuntutan perjalanan serta perubatan kakitangan.

Mengulas MoU tersebut, Samsul berkata, usaha itu adalah kerjasama mantap dengan UPM dalam usaha melahirkan lebih ramai pakar dalam pelbagai bidang khususnya teknologi maklumat.

Ujar beliau, UPM merupakan universiti pertama di Malaysia yang menggunakannya dan langkah itu bukan sahaja dapat menjimatkan masa, bahkan lebih efisien dalam memproses sesuatu tuntutan.

"Kini terdapat lima IPT dalam negara yang berminat menggunakannya," kata Samsul.